

22

SOALAN NO: 17

kalangan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi mudah alih.

Untuk perkhidmatan jalur lebar rangkaian tetap pula, Kerajaan telah mengumumkan dalam pembentangan Bajet 2017 bahawa kelajuan perkhidmatan jalur lebar akan digandakan pada harga yang sama. Ini bermakna, harga perkhidmatan jalur lebar untuk setiap 1 megabit sesaat akan mengalami penurunan harga sebanyak 50 peratus.

Di samping itu, untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah turut menikmati perkhidmatan jalur lebar, Kerajaan dan SKMM memastikan bahawa syarikat-syarikat telekomunikasi menawarkan pakej-pakej asas pada harga yang rendah. Sebagai contohnya, pakej asas jalur lebar mudah alih bermula daripada RM20 sebulan manakala Telekom Malaysia Berhad (TM) juga menawarkan pakej asas dengan kelajuan 1 megabit sesaat pada harga RM38 sebulan.

Di samping itu, seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, mulai bulan November 2017, TM juga akan menawarkan pakej-pakej khas untuk usahawan and pelajar-pelajar di institut penggajian tinggi. Pakej-pakej ini akan membawa manfaat dengan meningkatkan produktiviti dan keuntungan usahawan and meningkatkan akses untuk pelajar ke arah mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.